

11/06/2003

Isu kepemimpinan tumpuan usul ucapan dasar Presiden

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Usul ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung Umno minggu depan akan memberi tumpuan terhadap isu kepemimpinan dalam parti, kata Naib Presidennya, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Usul berkata, usul yang sama akan memberi penekanan terhadap peranan pemimpin pelbagai peringkat dalam

Umno untuk dibahaskan perwakilan.

Malah, katanya, usul ucapan Presiden juga akan menyentuh penghargaan ahli parti terhadap fungsi Presiden yang berjaya menangani pelbagai cabaran politik dan ekonomi.

"Perwakilan akan diberi peluang untuk membahaskan ucapan dasar Presiden

bersama dua lagi usul, iaitu pendidikan serta agama dan ekonomi," katanya

selepas menghadiri Forum Asia-Inc bertajuk "Kepemimpinan Untuk Asia Tenggara" di sini semalam.

Perhimpunan Agung Umno bermula Rabu depan, dengan mesyuarat peringkat Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri diadakan secara berasingan setelah acara perasmian serentak pada malam Selasa.

Perhimpunan sebenar diadakan selama tiga hari bermula Khamis depan sehingga Sabtu. Majlis taklimat Presiden pula diadakan pada petang Selasa depan.

Najib berkata, perwakilan juga akan diberi peluang untuk membahaskan Pakej Strategi Baru bernilai RM7.3 bilion yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini apabila usul ekonomi dibentangkan untuk perbahasan.

Katanya, pakej itu dijangka menjadi tumpuan perbahasan perwakilan terutama kesannya kepada ekonomi negara serta rakyat selain isu ekonomi biasa dalam negara.

Pakej yang diumumkan Perdana Menteri itu berteraskan empat pendekatan utama bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara dalam keadaan persekitaran global yang tidak menentu.

Dengan bertemakan 'Ke Arah Merangsang Pertumbuhan Ekonomi Negara', pakej

itu menggariskan 90 langkah bagi menggalakkan pelaburan swasta; memperkukuhkan daya saing; menjana punca pertumbuhan baru dan meningkatkan

keberkesanan sistem penyampaian.

Najib berkata, usul pendidikan dan agama pula dijangka memberi penekanan

kepada isu keagamaan termasuk sekolah agama rakyat (SAR) yang menarik perhatian baru-baru ini berikutan tindakan kerajaan menghentikan bantuan perkapita.

Katanya, penekanan akan diberi terhadap dasar kerajaan berhubung isu pendidikan terutama perubahan yang akan diperkenalkan dalam pendidikan Islam.

"Usul ini untuk menentukan pendidikan Islam dibawa dalam arus perdana pendidikan negara," katanya.

Diminta mengulas lanjut mengenai ketiga-tiga usul itu, beliau berkata butiran lanjut akan diumumkan tidak lama lagi.